

**KATA-KATA ALUAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**  
**PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN**  
**DI MAJLIS KONSULTASI BAJET 2006 - SESI PEMBUKAAN**  
**DI KEMENTERIAN KEWANGAN, PUTRAJAYA**  
**18 APRIL 2005**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB MENTERI KEWANGAN II

YBHG. KETUA SETIAUSAHA NEGARA

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KE MAJLIS KONSULTASI BAJET 2006 PADA PETANG INI. MAJLIS INI MERUPAKAN ACARA TAHUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN IANYA BEGITU PENTING KEPADA KITA SEMUA SEBAGAI SATU PLATFORM BAGI SEKTOR SWASTA, MASYARAKAT DAN KERAJAAN UNTUK MEMBINCANG DAN MENANGANI PELBAGAI ISU EKONOMI DAN PEMBANGUNAN YANG DIHADAPI NEGARA. INI SELARAS DENGAN MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MEMASTIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI TERUS KUKUH DAN KEMAKMURAN RAKYAT TERUS TERPELIHARA.

2. INI MERUPAKAN KALI KEDUA SAYA MEMPENGERUSIKAN MAJLIS KONSULTASI BAJET. SEGALA ISU YANG DIBANGKITKAN SERTA CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN AKAN DIKAJI DAN DIBERI PERHATIAN SEPENUHNYA. DI MANA SESUAI, IANYA AKAN MENJADI INPUT DALAM MERANGKA DASAR, STRATEGI, PROGRAM DAN TINDAKAN BAGI PENYEDIAAN BAJET 2006. TAHUN INI, BAJET 2006 DIJADUAL DIBENTANGKAN DI PARLIMEN PADA 30 SEPTEMBER AKAN DATANG. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MENGEMUKAKAN MEMORANDUM DAN KEPADA MEREKA YANG BERSAMA MENJAYAKAN MAJLIS INI.

PRESTASI EKONOMI 2004 DAN TERKINI

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

3. NEGARA KITA TELAH BERJAYA MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MEMBERANGSANGKAN PADA TAHUN LALU, WALAUPUN KITA BERHADAPAN DENGAN TREN PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA YANG PERLAHAN DAN PARAS HARGA MINYAK

YANG TINGGI, TERUTAMANYA DALAM TEMPOH SEPARUH KEDUA TAHUN BERKENAAN. KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (K.D.N.K.) TELAH MENINGKAT DENGAN KUKUH PADA KADAR 7.1 PERATUS BAGI KESELURUHAN TAHUN 2004 – SATU PENCAPAIAN YANG MELEBIHI ANGGARAN SERTA YANG TERTINGGI SEJAK TAHUN 2000. DI SAMPING ITU, DEFISIT KERAJAAN PERSEKUTUAN TELAH BERKURANGAN KEPADA 4.3 PERATUS DARIPADA K.D.N.K. PADA TAHUN 2004, LEBIH RENDAH DARIPADA 4.5 PERATUS YANG DISASARKAN. TREN DEFISIT INI SEMAKIN BERKURANGAN BERBANDING 5.3 PERATUS PADA TAHUN 2003 DAN 5.6 PERATUS PADA TAHUN 2002.

4. KEJAYAAN INI ADALAH BERKAT KERJA BERPASUKAN DAN SUMBANGAN OLEH SEMUA PIHAK DALAM MENGRUS EKONOMI NEGARA DENGAN CEKAP DAN EFISIEN, DI SAMPING KEBERKESANAN PELAKSANAAN DASAR FISKAL YANG BERHEMAT SERTA DASAR KEWANGAN AKOMODATIF YANG TERUS MENYOKONG KECERGASAN AKTIVITI SEKTOR SWASTA UNTUK MENERAJUI SEMULA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

5. KEADAAN EKONOMI SEMASA MASIH LAGI MENGGALAKKAN. ASAS EKONOMI NEGARA TERUS KUKUH, TERMASUK TABUNGAN YANG TINGGI, KADAR PENGANGGURAN YANG RENDAH DAN INFLASI YANG TERKAWAL. KEYAKINAN PENGGUNA DAN SENTIMEN PELABUR PULA SEMAKIN MANTAP. ALHAMDULILLAH, PERTUMBUHAN KINI DIDORONG OLEH KEGIATAN EKONOMI DALAM NEGERI YANG MEMBERANGSANGKAN BERDASARKAN PERANGKAAAN TERKINI:

I. PERTAMA, PERBELANJAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI TERUS MANTAP DENGAN PENINGKATAN PENGGUNAAN DAN PELABURAN SEKTOR SWASTA YANG DISOKONG OLEH PENGUKUHAN KUASA BELI RAKYAT, PENDAPATAN KORPORAT YANG MENINGKAT SERTA KADAR FAEDAH YANG RENDAH;

II. KEDUA, JUMLAH PINJAMAN DALAM SISTEM PERBANKAN TERUS MENINGKAT SEBANYAK 8.3 PERATUS PADA BULAN FEBRUARI 2005. PRESTASI SEKTOR PERBANKAN PULA KIAN KUKUH DENGAN PARAS HUTANG TAK BERBAYAR ATAU N.P.L. NYATA BERKURANGAN DARIPADA 6.8 PERATUS PADA FEBRUARI 2004 KEPADA 5.8 PERATUS PADA BULAN FEBRUARI 2005;

III. KETIGA, KEDUDUKAN PERDAGANGAN NEGARA TERUS KUKUH, DENGAN IMBANGAN PERDAGANGAN NEGARA BERADA DALAM KEDUDUKAN LEBIHAN SELAMA 88 BULAN BERTURUT-TURUT SEJAK BULAN NOVEMBER 1997; DAN

IV. KEEMPAT, RIZAB ANTARABANGSA NEGARA MENINGKAT KETARA KEPADA 275.2 BILION RINGGIT ATAU 72.4 BILION U.S. DOLLAR PADA AKHIR MAC 2005 BERBANDING 195.1 BILION RINGGIT ATAU 51.3 BILION U.S. DOLLAR PADA AKHIR BULAN YANG SAMA TAHUN 2004.

## **PROSPEK EKONOMI DAN CABARAN**

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

6. PERANGKAAAN DI ATAS JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA KEADAAN EKONOMI NEGARA PADA MASA INI BERADA DI LANDASAN YANG KUKUH UNTUK TERUS MAJU

DAN BERKEMBANG. SUNGGUHPUN DEMIKIAN, KITA PERLU MELIPATGANDAKAN LAGI USAHA KITA MEMANDANGKAN NEGARA BERHADAPAN DENGAN PERSEKITARAN LUAR YANG MASIH TIDAK MENENTU DAN KIAN MENCABAR. ERA GLOBALISASI KINI TELAH MENJADIKAN PERSAINGAN DI PASARAN ANTARABANGSA SEMAKIN SENGIT. HARGA MINYAK YANG TINGGI, PENINGKATAN KADAR FAEDAH, BENCANA ALAM SEPERTI GEMPA BUMI, PENULARAN PENYAKIT YANG TIDAK DIJANGKAKAN, KETEGANGAN GEOPOLITIK DAN KEGANASAN, DI SAMPING KEBANGKITAN EKONOMI BARU SEPERTI CHINA DAN INDIA, TURUT MEMBERI CABARAN KEPADA KITA.

7. SELAIN ITU, CABARAN DALAM NEGERI PERLU JUGA DIBERI PERHATIAN. ANTARANYA TERMASUKLAH USAHA UNTUK MENINGKATKAN "TRICKLE DOWN EFFECT" DALAM EKONOMI SUPAYA FAEDAH PERTUMBUHAN DIRASAI OLEH SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT, KUALITI HIDUP RAKYAT DIPERKUKUHKAN LAGI SEMENTARA KOS KEHIDUPAN TERUS TERKAWAL, PELUANG-PELUANG PEKERJAAN DIPERBANYAKKAN LAGI (TERMASUK BAGI PARA GRADUAN), DAN USAHA TERUS DIAMBIL UNTUK MENINGKATKAN TAHAP DAYA SAING NEGARA DAN MENGEKALKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MANTAP.

8. DALAM HAL INI, PENEROKAAN SUMBER-SUMBER PERTUMBUHAN BARU PERLU DIPERTINGKATKAN, TERMASUK DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN DAN SEKTOR PERTANIAN. UMPAMANYA, SEKTOR PERTANIAN BUKAN PERLADANGAN MEMPUNYAI POTENSI YANG TINGGI, SEPERTI DALAM KEGIATAN TERNAKAN IKAN LAUT, IKAN HIASAN, HAIWAN BERBAKA BAIK SERTA PENANAMAN SAYUR-SAYURAN, BUNGA-BUNGAAN DAN HERBA. SAYA INGIN MELIHAT SEKTOR SWASTA LEBIH DINAMIK DAN LEBIH BANYAK MEMBUAT PELABURAN DI DALAM SEKTOR INI DAN JUGA SEKTOR-SEKTOR LAIN, SUPAYA MEREKA DAPAT TERUS MENERAJUI PERTUMBUHAN EKONOMI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

9. SUNGGUHPUN KITA BERHADAPAN DENGAN CABARAN-CABARAN LUARAN DAN DALAMAN, PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DIJANGKA TERUS KUKUH DAN BERKEMBANG PADA KADAR ANTARA 5 HINGGA 6 PERATUS PADA TAHUN 2005. BAGAIMANAPUN, KADAR INI ADALAH LEBIH RENDAH DARIPADA PURATA PERTUMBUHAN 6.2 PERATUS BAGI TEMPOH 15 TAHUN PERTAMA WAWASAN 2020 (1991-2005), YANG JUGA KURANG DARIPADA SASARAN 7 PERATUS SETAHUN DI BAWAH WAWASAN 2020 SECARA KESELURUHANNYA (1991-2020).

10. OLEH YANG DEMIKIAN, KITA PERLU BEKERJA DENGAN LEBIH GIGIH UNTUK MENCAPI KADAR PERTUMBUHAN YANG LEBIH TINGGI BAGI MENGIMBANGI PERTUMBUHAN YANG PERLAHAN, TERUTAMANYA SEMASA NEGARA MENGALAMI KRISIS KEWANGAN ASIA PADA TAHUN 1997 DAN 1998. UNTUK MEMASTIKAN NEGARA MENCAPI PERTUMBUHAN YANG TERUS KUKUH, PENYEDIAAN DAN PENGUBALAN STRATEGI BAJET 2006 ADALAH AMAT PENTING. LEBIH-LEBIH LAGI BAJET 2006 MERUPAKAN TAHUN PERMULAAN BAGI PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. BAJET INI JUGA MERUPAKAN PERMULAAN BAGI KITA MELANGKAH KE FASA KEDUA PELAKSANAAN WAWASAN 2020.

## **STRATEGI WAWASAN 2020**

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

11. KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT WAWASAN 2020, KITA MESTI MELAKUKAN BEBERAPA PEMBAHARUAN DAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN TERKINI SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN SEMASA. KITA TIDAK BOLEH BERPUAS HATI DAN MERASA SELESA DENGAN KEADAAN YANG SEDIA ADA, MASIH BEKERJA MENGIKUT CARA BIASA DAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG SAMA. SEBALIKNYA, KITA MESTI MENGGUNAKAN PENDEKATAN BARU YANG LEBIH DINAMIK DAN INOVATIF. KITA JUGA MESTI MERUBAH MINDSET DARI SEGI SIKAP DAN MENTALITI KELAS KETIGA KE TAHAP KELAS PERTAMA, DAN MENGAMALKAN BUDAYA BERBUDI BAHASA DAN BERTANGGUNGJAWAB, TERMASUK DALAM USAHA MEMBENTUK SEBUAH MASYARAKAT PENYAYANG.

12. UNTUK INI, PEMBANGUNAN BERKUALITI PERLU DIBERI PERHATIAN. PEMBANGUNAN BERKUALITI YANG INGIN KITA CAPAI BUKANLAH SETAKAT PEMBINAAN ASET KETARA DAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR FIZIKAL SAHAJA. SEBENARNYA INFRASTRUKTUR SEBEGINI SUDAH PUN BANYAK KITA LAKSANAKAN. TETAPI PEMBANGUNAN YANG KITA HASRATKAN MESTILAH MERANGKUMI ASPEK-ASPEK YANG LEBIH MELUAS, TERMASUK MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA "SOFT INFRASTRUCTURE" YANG BERKAITAN JUGA DENGAN PERUBAHAN SIKAP, CARA PEMIKIRAN DAN PERIBADI POSITIF.

13. KITA JUGA PERLU MEMIKIRKAN BAGAIMANA KITA DAPAT MENAMBAH NILAI SUPAYA SEGALA APA YANG KITA RANCANG DAN LAKSANAKAN MESTI MENITIKBERATKAN KUALITI YANG LEBIH TINGGI DAN MENGHASILKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG MAMPU BERSAING DI PASARAN GLOBAL. KITA JUGA MAHU MENCIPTA JENAMA MALAYSIA BAGI PRODUK DAN PERKHIDMATAN KELUARAN KITA. PEMBANGUNAN YANG KITA LAKSANAKAN INI JUGA PERLU MEMENUHI KEHENDAK RAKYAT, DI SAMPING DAPAT TERUS MEMELIHARA ALAM SEKITAR DAN BERJAYA MEMARTABATKAN NEGARA DI PERSADA ANTARABANGSA.

14. SEHUBUNGAN DENGAN INI, KITA PERLU MEMBERI PERHATIAN YANG SERIUS KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN ("HUMAN CAPITAL") AGAR TENAGA KERJA KITA LEBIH MAHIR, PRODUKTIF SERTA BERPANDANGAN JAUH DAN KOMITED DALAM MENGEJAR KECEMERLANGAN. DALAM SEMUA USAHA INI, PENDEKATAN KITA SEKARANG IALAH UNTUK MENCAPAI MATLAMAT KITA MELALUI PERBELANJAAN YANG KURANG DAN MENJIMATKAN TETAPI YANG TETAP DAPAT MENGHASILKAN PULANGAN DAN FAEDAH YANG BERGANDA. DALAM ERTIKATA LAIN, KITA PERLU MENCARI "VALUE FOR MONEY" DAN BERUSAHA UNTUK "GET MORE OUT OF LESS".

15. JUSTERU ITU, PANDANGAN DAN SARANAN YANG DIKEMUKAKAN DALAM MAJLIS INI ADALAH SANGAT BERGUNA DALAM PENYEDIAAN BAJET TAHUN HADAPAN, YANG TURUT AKAN MENENTUKAN HALA TUJU BAGI PELAKSANAAN RANCANGAN

PEMBANGUNAN LIMA TAHUN YANG AKAN DATANG. KITA PERLU MERANGKA DAN MENGATUR STRATEGI UNTUK Mencari kaedah baru bagi menentukan pertumbuhan dan pembangunan jangka panjang negara yang berterusan. Dengan memberi penekanan kepada pembangunan berkualiti serta komitmen kita terhadap kecemerlangan, insya-Allah matlamat wawasan 2020 akan tercapai jua.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

16. Saya dapati, dalam majlis bajet pada tahun-tahun sebelum ini, kebanyakan cadangan yang dikemukakan lazimnya berkaitan pemberian kemudahan insentif percukaian dan pengurangan kos utiliti, di samping meminta kemudahan pembiayaan dan peruntukan. Seharusnya, semua pihak, termasuk sektor swasta, perlu lebih kreatif dan melihat kesan cadangan tersebut dari segi kos dan faedah yang boleh memberi impak kepada pihak atau golongan lain.

17. Walaupun begitu, saya berharap idea-idea bernas daripada saudara-saudari pada petang ini merupakan cadangan dan strategi untuk kita menjadi lebih "self-reliant" serta berusaha meningkatkan produktiviti kita melalui pendekatan baru yang lebih inovatif.

18. Namun begitu, kerajaan akan terus memberi sokongan dan galakan yang sesuai kepada sektor swasta. Antara lain, sebanyak 500 juta ringgit telah diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan awam di seluruh negara, dan dikhususkan kepada kontraktor kelas F. Setakat ini, peruntukan sebanyak 250 juta ringgit telah dikeluarkan kepada unit penyelarasan pelaksanaan (I.C.U.) bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di peringkat negeri, di mana sebanyak 8,471 projek telah di kenal pasti dan seramai 2,567 kontraktor telahpun diberi tawaran untuk melaksanakan projek yang berkaitan.

## **SEKTOR AWAM**

19. Selain usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, kerajaan juga berkecambah untuk terus mengambil langkah-langkah ke arah konsolidasi fiskal. Terdapat pihak-pihak tertentu yang menyarankan agar lebih banyak projek dilaksanakan kerana masalah kontraktor muflis, sepertimana projek-projek yang dilakukan oleh beberapa negara maju di eropah dan Amerika Syarikat. Saya ingin menjelaskan bahawa sebagai sebuah negara membangun, kedudukan sumber Malaysia adalah terhad dan tidaklah selumayan seperti mereka. Negara kita juga adalah sebuah ekonomi dagang serta terdedah kepada pelbagai cabaran antarabangsa. Oleh itu, kita perlu berhati-hati dan lebih berhemat dalam mengurus kewangan negara serta tidak terlalu bergantung kepada sumber luar demi menjaga kedaulatan dan kebebasan negara.

20. WALAUPUN BEGITU, KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK MELAKUKAN KESEIMBANGAN YANG SEBAIK MUNGKIN, ANTARA MELAKSANAKAN LANGKAH "SUSTAINABLE DEFICIT" YANG SEWAJARNYA DAN DALAM WAKTU YANG SAMA BERIKHTIAR UNTUK MENGEKALKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG KUKUH.

21. OLEH YANG DEMIKIAN, DALAM USAHA MEMASTIKAN EKONOMI TERUS BERKEMBANG, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KETETAPAN UNTUK MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN BEBERAPA PROJEK YANG PADA ASALNYA DICADANG DILAKSANAKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. PROJEK-PROJEK TERSEBUT AKAN DIJALANKAN PADA TAHUN 2005 INI. LANGKAH INI JUGA BERTUJUAN UNTUK MENCERGASKAN SEMULA KEGIATAN SEKTOR PEMBINAAN, DI MANA SEKTOR INI TELAH MENGALAMI PERTUMBUHAN NEGATIF 1.9 PERATUS PADA TAHUN 2004 DAN DIJANGKA TERUS PERLAHAN PADA TAHUN INI. OLEH ITU, KERAJAAN TELAH MENGENALPASTI SEJUMLAH 26 PROJEK UNTUK DILAKSANAKAN DENGAN SEGERA. NILAI KESELURUHAN PROJEK YANG TERLIBAT ADALAH BERJUMLAH 2.4 BILION RINGGIT.

22. PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK INI DIJANGKA DAPAT MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI, DI SAMPING MENGATASI BEBERAPA KEKANGAN YANG DIHADAPI OLEH SEKTOR PEMBINAAN. SEMUA PROJEK TERSEBUT AKAN DILAKSANAKAN SECARA TENDER BAGI MENDAPATKAN HARGA YANG LEBIH KOMPETITIF. UNTUK MEMBERI LEBIH BANYAK PELUANG PENYERTAAN KEPADA KONTRAKTOR, PROJEK YANG BESAR DENGAN NILAIAN KOS YANG TINGGI AKAN DIAGIHKAN KEPADA BEBERAPA PAKEJ DAN DITENDER SECARA BERASINGAN. SEHUBUNGAN DENGAN INI, AGENSI PELAKSANA PROJEK DIKEHENDAKI BERTINDAK PANTAS SUPAYA TENDER DAPAT DIIKLAN DAN KONTRAKTOR DAPAT DIPILIH DENGAN SEGERA. PELAKSANAAN PROJEK INI WAJIB MENGGUNAKAN BARANGAN DAN BAHAN TEMPATAN, MANAKALA PENGGUNAAN BARANGAN IMPORT TIDAK DIBENARKAN. PEMBINAAN YANG MENGIKUT KAEDAH I.B.S. ("INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM") AKAN DIBERI KEUTAMAAN. PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK INI SECARA EFEKTIF DAN TERKAWAL MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENERUSKAN LANGKAH KONSOLIDASI FISKAL PADA PARAS "SUSTAINABLE DEFICIT".

23. SEMENTARA ITU, BERHUBUNG DENGAN PERUNTUKAN SUBSIDI, KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN SEJUMLAH 5.8 BILION RINGGIT PADA TAHUN 2004, DI MANA SEBAHAGIAN BESARNYA ADALAH UNTUK SUBSIDI PETROL DAN DIESEL. JUMLAH SUBSIDI YANG BESAR INI SEPATUTNYA BOLEH DISALURKAN UNTUK MEMBIAYAI PEMBANGUNAN NEGARA, TERUTAMANYA BAGI MEMAJUKAN KAWASAN YANG MASIH JAUH KETINGGALAN. SEMUA PIHAK, TERMASUK SEKTOR SWASTA, PERLU MEMAHAMI KEDUDUKAN INI, DI SAMPING BERUSAHA MENKAKSI SEMULA STRUKTUR KOS PENGELUARAN YANG DAPAT MENGGAMBARAKAN TAHAP DAYA SAING SEBENAR EKONOMI NEGARA.

24. PEMBERIAN SUBSIDI INI SEBALIKNYA HENDAKLAH DIAGIHKAN KEPADA GOLONGAN YANG BENAR-BENAR TIDAK MAMPU UNTUK MENYARA KEHIDUPAN DIRI DAN KELUARGA MEREKA. SEHUBUNGAN DENGAN INI, KERAJAAN AKAN TERUS MEMASTIKAN GOLONGAN INI, TERUTAMANYA MASYARAKAT YANG DAIF, DAPAT

TERUS MENIKMATI KUALITI HIDUP YANG LEBIH BAIK DAN SEJAHTERA, DI SAMPING DAPAT TURUT SERTA DALAM ARUS PEMBANGUNAN. DALAM USAHA MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL TIDAK SEHARUSNYA HANYA TERLETAK DI PIHAK KERAJAAN SAHAJA. SEBENARNYA, AMANAH INI PERLU JUGA DIPIKUL OLEH SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT. MARILAH KITA BERSAMA MENGADAKAN LEBIH BANYAK PROGRAM YANG BERKESAN UNTUK MENJADIKAN NEGARA KITA SEBAGAI TEMPAT YANG LEBIH MENYENANGKAN, SELESA DAN SELAMAT UNTUK DIDUDUKI.

## **TEMA BAJET DAN FORMAT KONSULTASI**

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

25. UNTUK MENCAPAI APA YANG TELAH DISARANKAN SEBELUM INI, TEMA BAJET 2006 YANG DIPILIH PADA TAHUN INI IALAH “KE ARAH PEMBANGUNAN BERKUALITI: KOMITMEN TERHADAP KECEMERLANGAN” (“ENHANCING QUALITY DEVELOPMENT: COMMITMENT TO EXCELLENCE”). TEMA INI BERTUJUAN UNTUK MENYATAKAN HALA TUJU NEGARA DALAM PEMBANGUNAN YANG BERTERASKAN KUALITI, TERMASUK CARA KITA MENAMBAH NILAI DALAM SEGALA ASPEK YANG DIUSAHAKAN DAN KOMITMEN YANG PADU KE ARAH MENCAPAI KECEMERLANGAN. INI AKAN MELETAKKAN NEGARA KITA PADA KEDUDUKAN YANG SENTIASA RELEVAN, KUKUH DAN BERDAYA SAING DALAM MENGHADAPI SEGALA CABARAN GLOBALISASI YANG SEMAKIN SENGIT DAN PERSEKITARAN LUAR YANG KIAN TIDAK MENENTU.

26. SESUAI DENGAN KEADAAN SEMASA, SAYA TELAH MEMBUAT BEBERAPA PERUBAHAN KEPADA FORMAT MAJLIS KONSULTASI PADA TAHUN INI, DENGAN TUJUAN MEWUJUDKAN SUASANA YANG LEBIH INTERAKTIF SERTA PERBINCANGAN YANG LEBIH MENDALAM. PADA TAHUN LEPAS, MAJLIS DIADAKAN DALAM TIGA SESI, IAITU SESI MAKRO, SEKTORAL DAN SOSIAL. PADA TAHUN INI, SELAIN MAJLIS PADA PETANG INI, BANYAK LAGI SIRI PERBINCANGAN AKAN DIADAKAN DALAM BEBERAPA KUMPULAN KERJA KECIL ATAU “FOCUS GROUPS” MENGIKUT ISU-ISU SPESIFIK PADA TARIKH DAN MASA YANG AKAN DITETAPKAN NANTI. MESYUARAT “FOCUS GROUPS” INI AKAN DIPENGERUSIKAN OLEH MENTERI KEWANGAN KEDUA, DI MANA BEBERAPA PESERTA YANG PAKAR DALAM BIDANG MASING-MASING AKAN TURUT DIJEMPUT UNTUK MEWAKILI KUMPULAN DAN MEMBINCANGKAN ISU-ISU BERKENAAN.

27. PADA PETANG INI, SEBANYAK LIMA ISU AKAN DIBENTANGKAN OLEH “LEAD SPEAKERS” DAN DIIKUTI OLEH DUA PENGULAS ATAU “DISCUSSANTS”. SETERUSNYA, MAJLIS DIBUKA KEPADA PARA HADIRIN SEKALIAN UNTUK MENGEMUKAKAN SYOR DAN PANDANGAN MASING-MASING.

28. SAYA BERHARAP BEBERAPA SARANAN YANG TELAH SAYA SEBUTKAN TADI AKAN MENJADI ASAS KEPADA PARA PERWAKILAN SEKTOR SWASTA, AGENSI KERAJAAN, PERTUBUHAN DAN INDIVIDU UNTUK SAMA-SAMA MENGAMBIL BAHAGIAN SECARA AKTIF DALAM MAJLIS INI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.